

Angka Giliran: _____

Angka Giliran: (dengan perkataan) _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2002/2003

April/Mei 2003

JUL 401 – Bahasa Malaysia IV

Masa: 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Baca dan fahami arahan yang diberikan sebelum menjawab soalan. Bagi setiap soalan, tulis jawapan anda di ruang yang disediakan di dalam buku soalan ini.

Serahkan KESELURUHAN kertas peperiksaan ini kepada Ketua Pengawas di akhir sidang peperiksaan. Pelajar yang gagal berbuat demikian akan diambil tindakan disiplin.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

	Markah yang diperolehi
Soalan Bahagian A: Karangan (70 markah)	_____
Soalan Bahagian B: Membetulkan Ayat (30 markah)	_____
Jumlah:	_____
Gred:	_____

BAHAGIAN A: KARANGAN (70 markah)

Arahan:

Tulislah sebuah karangan yang panjangnya 500-600 patah perkataan tentang satu daripada tajuk di bawah. (*Pemarkahan karangan yang anda tulis akan dibuat berdasarkan isi, organisasi, bahasa dan ejaannya serga gaya keseluruhannya*).

1. Intergrasi nasional ialah proses mewujudkan satu identiti nasional dalam kalangan masyarakat yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan politik di sesebuah negara. Berdasarkan pernyataan ini, berikan pendapat anda tentang unsur-unsur yang dapat dijadikan teras untuk mewujudkan intergrasi nasional di Malaysia.
2. Masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat majmuk ialah wujudnya kepentingan politik, ekonomi dan sosial yang berbeza-beza antara kaum-kaum yang membentuk entiti masyarakat tersebut. Sejauh manakah pada pendapat anda, masalah ini wujud di Malaysia?
3. Berbagai-bagai usaha dilaksanakan untuk membakukan bahasa Melayu dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam pelbagai bidang. Namun begitu, masih terdapat halangan-halangan yang menyekat usaha ke arah itu. Bincangkan sejauh manakah besarnya kenyataan ini.
4. Pembentukan masyarakat Malaysia yang saintifik dalam rangka menjadikan Malaysia negara industri berasaskan teknologi tinggi wajar digarap dari perspektif yang luas, menyeluruh dan tidak hanya tertumpu pada dorongan-dorongan komersial dan kepentingan ekonomi semata-mata. Berikan pendapat anda.
5. Alam gemilang, hidup cemerlang. Sejauh manakah kenyataan ini benar? Beri pendapat anda.

BAHAGIAN B: MEMBETULKAN AYAT (30 markah)

Arahan:

Betulkan ayat-ayat yang berikut dari aspek penggunaan imbuhan, ejaan, kata dan penyusunan struktur ayat. Tulis semula ayat-ayat yang telah dibetulkan dalam ruangan yang disediakan.

1. Dalam mempergiat dan memajukan industri pelancungan penduduk tempatan perlu menghasilkan hasil-hasil keraf tangan dan kuih-muih tradisional supaya bahan-bahan ini boleh menjadi kenangan dan ingatan kepada pelancong-pelancong itu.

2. Keadaan lalulintas dijalanraya itu selalunya sebok di waktu pagi, tengahari dan petang bila bas-bas kilang keluar-masuk ke kawasan perindustrian itu.

3. Para perancang akademik universiti-universiti tempatan perlulah memikirkan kemahuan dan citarasa bakal majikan-majikan dan lain-lain pihak supaya siswazah-siswazah yang mereka lahirkan mudah mendapat pekerjaan.

4. Apa yang patut difikirkan ini adalah beberapa amalan keji yang mana kalau tidak dibasmikan ia akan merugikan nama dan imej negara bila ianya sudah menjadi begitu teruk.

5. Selain daripada itu, sistem politik Malaysia unik kerana adanya Institusi Yang Dipertuan Agong di mana baginda ialah salah satu dari komponen Parlimen.

6. Seminar ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor, manakala penutupnya pula dilakukan oleh Pengerusi Lembaga Pengelola DBP.

7. Wanita sekarang nampaknya begitu progresif melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti, namun begitu terlalu banyak majlis yang dianjurkan wanita, kekurangan penyertaan kaum lelaki.

8. Adik perempuan saya itu ialah seorang yang pemalu yang mana tuan-tuan janganlah berasa kecil hati jika dia tidak keluar berbual-bual semasa saya ke bandar tadi.

9. Dua orang penjenayah masing-masing dijatuhkan hukuman denda sebanyak \$5,000.00 dan \$6,000.00 dan diperintah menjaga kelakuan mereka selama 3 tahun.

10. Mengikut catatan pehak polis boroh yang mati ditikam perompak daripada belakang itu cuba menolong adik majikannya.

11. Selain dari menerbit mata wang adalah juga menjadi tugas Bank Negara untuk menjaga nilai mata wang kita.

12. Reka bentuk yang begitu kreatif sememangnya dihasilkan oleh kami yang mengikuti kursus di sini.

13. Weber berpendapat kita boleh menganalisa dengan tepat bagaimana kuasa didapati, dikekalkan dan diagih dalam sebuah masyarakat.

14. Dengan berbuat demikian bukan sahaja mereka menang dalam pilihan raya tetapi parti mereka juga menang dalam pilihan raya.

15. Program Minggu Dakwah bertujuan untuk memberi peluang kepada masyarakat bukan Islam mengenal, memahami dan menghayati Islam di samping cuba mengeratkan lagi tali silaturrahim di kalangan masyarakat kampus.
